



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA KENYATAAN MEDIA

BIL. 35 / 2022

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) DAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah yang bermula pada jam 8.00 pagi. Sejumlah **94.72% atau 212,961 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan, anggota polis serta Pasukan Gerakan Am (PGA) dan pasangan telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
2. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.
3. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan,

Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

15 November 2022 / 20 Rabiulawal 1444H